

Headline	Melabur tapi berhati-hati		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	27 Sep 2013	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	34	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	338 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,905
Frequency	Daily	PR Value	RM 17,715



# Melabur tapi berhati-hati

**K**unta Kinte kagum tengok makin banyak syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) melabur di luar negara.

Ada yang beli tanah, ada yang buka ladang, ada yang bina projek perdagangan, ada yang beli bangunan, ada yang beli hotel dan ada yang beli hospital.

Daripada negara yang dulu import modal, kita dah mula jadi negara yang eksport modal. Pada tahun 1970-an dan 1980-an, GLC dan GLIC kita beli banyak syarikat milik asing, khususnya Inggeris, yang bergiat di negara kita macam Malaysian Mining Corporation (MMC), Sime Darby, Guthrie dan Golden Hope.

Masa itu GLC dan GLIC dipanggil Badan Amanah Bumiputera.

Sekarang syarikat GLC macam Sime Darby dan IHH Healthcare Berhad serta GLIC seperti Khazanah Nasional Berhad, Lembaga Tabung Haji, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Permodalan Nasional Berhad pergi ke luar negara untuk beli harta dan buat pelaburan.

Ada yang melabur di Singapura. Ada di Australia, Indonesia, United Kingdom, India dan Pakistan.

Kalau di kalangan negara sedang membangun, selain negara yang kaya dengan minyak dan gas, Kunta Kinte rasa kita adalah antara yang paling banyak dan paling cergas melabur di luar negara.

GLC dan GLIC kita kena pergi ke luar negara kerana mereka ada banyak modal. Pasaran tempatan tak dapat tampung lagi pelaburan mereka. Kita ambil contoh syarikat perladangan. Mereka kena cari tanah baru atau beli ladang yang sedia ada sebab kita tak ada banyak lagi tanah untuk dibuka dan kita nak simpan hutan belantara kita.

## Buat kerja dengan betul

Bagi GLIC macam PNB, Tabung Haji dan KWSP pula, mereka kena guna pelaburan orang ramai yang makin hari makin bertambah dengan cara yang paling produktif. Mereka kena jana keuntungan lebih besar

sebab pelabur mahukan dividen yang lebih tinggi setiap tahun.

Cuma mereka wajiblah berhati-hati dan buatlah kerja dengan betul, ikhlas dan telus. Jangan melabur di luar negara sebab nak glamor atau nak cari peluang berjalan percuma.

Mereka kena ingat iaitu walaupun pulangan pelaburan luar negara mungkin lebih tinggi, tapi risiko dan ancaman pun tinggi juga.

Selain naik turun pasaran dan perubahan peraturan, mereka kena fikir dan faham betul-betul risiko tukaran asing. Nilai duit naik turun. Silap-silap mereka akan rugi tukaran mata wang yang teruk. Syarikat raksasa dari negara maju pun ada yang rugi berbilion ringgit kerana tukaran mata wang.

Daripada melabur banyak sangat dalam hartanah, terutama hotel dan peranginan, Kunta Kinte rasa eloklah GLC dan GLIC kita tambah pelaburan dalam pertanian dan pengeluaran makanan sebab dunia dah mula alami masalah kurang bekalan makanan.

Tapi yang Kunta Kinte risau dan tak berapa sedap dengar adalah sebab tersembunyi mengapa GLC dan GLIC kena pergi ke luar negara untuk melabur.

Beberapa orang pegawai tinggi GLC dan GLIC bagi tahu Kunta Kinte, ada pihak di Malaysia marah bila GLC dan GLIC beli saham atau aset syarikat bukan Bumiputera. Bila Kunta Kinte sebut bukan Bumiputera, maksudnya syarikat Cina-lah.

Khabarnya orang Cina marah bila PNB ambil alih kawalan ke atas syarikat hartanah SP Setia Berhad yang diuruskan oleh seorang Tan Sri Cina.

Mereka tak peduli yang PNB dah lama jadi pemegang saham strategik dalam syarikat itu dan saham tambahan itu pula dibeli melalui tawaran terbuka di pasaran dan dengan premium pula. Mereka pun tak peduli yang harga saham syarikat itu naik bila PNB buat tawaran.

## Melayu tak minat belajar ekonomi

Banyak orang Melayu, termasuk dalam politik dan pen-

Headline	Melabur tapi berhati-hati		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	27 Sep 2013	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	34	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	338 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,905
Frequency	Daily	PR Value	RM 17,715

tadbiran awam, tak tahu atau tak sedar ciri cauvinis kaum macam ini pasal mereka tak ambil berat atau tak faham urusan korporat.

Inilah masalah kita. Bila kerajaan bantu tauke Cina dan India jadi kaya raya siapa pun tak kata apa-apa. Tapi bila kerajaan bantu Bumiputera, ada yang tuduh tak adil, berat sebelah, dianaktirikan dan macam-macam lagi. Ada orang Melayu sendiri kata Bumiputera malas.

Tapi bila Bumiputera berniaga, berjaya dan mampu beli syarikat bukan Bumiputera di pasaran terbuka atas dasar suka sama suka, mereka kata jangan. Mereka guna psikologi, diayah dan propaganda untuk sekat.

Jadi macam mana kita nak perkasa ekonomi Bumiputera kalau orang Melayu sendiri tak faham dan tak minat belajar hal-hal ekonomi, perniagaan dan industri?

Walaupun kita sudah cukup kuat untuk menang tapi kita kalah dalam perang psikologi sebab kepala kita kosong. Kita jadi orang bodoh tapi sombong.

Sorong papan, tarik papan,  
Buah keranji dalam perahu;  
Suruh makan awak makan,  
Suruh mengaji awak tak mahu.

Wallahualam.



E-mel ke  
[bhrencana@bh.com.my](mailto:bhrencana@bh.com.my)  
untuk berkongsi pendapat anda

“  
Daripada melabur banyak sangat dalam hartanah, terutama hotel dan peranginan, **Kunta Kinte rasa eloklah GLC dan GLIC kita tambah pelaburan dalam pertanian dan pengeluaran makanan** sebab dunia dah mula alami masalah kurang bekalan makanan”